

PM: Ada pihak tidak berterima kasih kejayaan, keluarkan rakyat dari Teluk

UM

- 7 SEP 1990

BANDAR MUADZAM SHAH 6 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, masih ada pihak yang tidak berterima kasih kepada kerajaan atas kejayaannya membawa keluar rakyat Malaysia, yang terkandas di Kuwait dan Iraq berikutan krisis Teluk.

Perdana Menteri berkata, mereka patut melihat apa yang rakyat lain alami dalam usaha mereka untuk keluar dengan selamat dari kedua - dua negara tersebut ekoran penaklukan Iraq ke atas Kuwait pada 2 Ogos lepas.

Sambil merujuk kepada satu surat pembaca kepada pengarang yang diterbitkan dalam sebuah akhbar tempatan hari ini, beliau berkata, mereka (pembaca berkenaan) masih tidak puas hati dengan usaha kerajaan itu.

Dalam laporan - laporan akhbar hari ini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir pada perjumpaan dengan masyarakat Orang Asli di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kedaik, kira - kira

20 kilometer dari sini, pelarian - pelarian dari India, Bangladesh, Mesir dilaporkan telah mengalami pelbagai masalah ketika hendak keluar menyelamatkan diri dari kedua - dua negara berkenaan.

Mereka dilaporkan tidak mempunyai tempat tidur dan terdampar di atas padang pasir tanpa sebarang kemudahan dan berebut - rebut serta berkelahi untuk mendapatkan sedikit roti.

Sebaliknya, rakyat Malaysia yang diselamatkan itu tidak mengalami kesukaran tersebut, tambah beliau.

Dalam surat itu, pembaca berkenaan yang menamakan diri mereka **Concerned**, yang mendakwa mewakili tujuh yang lain, antara lain menyebut mereka masih berpendapat Wisma Putra belum berkesan dalam mengendalikan soal hubungan awam.

Perdana Menteri berkata, tindakan pihak yang tidak berterima kasih itu, menunjukkan rakyat di negara ini begitu mudah menerima sesuatu / keadaan hingga terlupa untuk mengucapkan terima kasih.

Wakil Orang Asli, yang mewakili kira - kira 6,000 rakannya yang lain pada perjumpaan itu, Batin Sulim Panglima Seng berkata, masyarakat Orang Asli percaya dengan keikhlasan kerajaan pimpinan Dato' Sri Dr. Mahathir dan berharap kerajaan beliau akan terus meningkatkan pembangunan Orang Asli, terutama di kawasan - kawasan terpencil di negara ini.

Batin Sulim seterusnya berikrar untuk terus menyokong Perdana Menteri serta berjanji bahawa Orang Asli akan mengambil langkah cergas dalam projek - projek pembangunan kerajaan den-ii kemakmuran Orang Asli khasnya dan negara amnya.